

**KENYATAAN AKHBAR  
PENGARAH KAWALAN PENYAKIT  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA**

Bagi Minggu Epid ke 38/2008 (14 hingga 20 September 2008)

Bagi tempoh 14 hingga 20 September 2008, sejumlah 915 kes demam denggi dengan dua kematian telah dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), meningkat sebanyak 78 kes (8.5%) berbanding minggu sebelumnya (837 kes). Peningkatan kes ini melibatkan sebanyak lima (5) buah negeri iaitu Selangor, Johor, Perak, Terengganu dan Sarawak. Negeri – negeri ini menyumbang kepada 69.0% (631 kes) daripada keseluruhan kes yang dilaporkan (Lampiran A). Bagaimanapun, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan sehingga kini iaitu 33,558 kes dengan 76 kes kematian adalah 12.48 % lebih rendah berbanding tempoh yang sama untuk tahun 2007 (37,745 kes).

Kajian yang telah dilakukan oleh KKM menunjukkan bahawa walaupun tahap pengetahuan dan kesedaran anggota masyarakat mengenai denggi adalah tinggi tetapi amalan membasmi tempat pembiakan nyamuk *Aedes* masih rendah. Pemeriksaan yang dilakukan oleh KKM & Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga menunjukkan sikap komuniti yang kurang peka dengan kebersihan persekitaran rumah menjadi faktor utama pembiakan nyamuk berlaku. 76.2 % daripada premis yang positif pembiakan *Aedes* masih merupakan rumah kediaman dan kedai. Indeks pembiakan *Aedes* (*Aedes Index*) juga didapati tinggi di kawasan-kawasan tempat pembuangan sampah, lot/tanah kosong serta tapak pembinaan.

Sepanjang minggu lepas sahaja, 7 aktiviti gotong-royong, 26 sesi ceramah dan 172 sesi dialog telah dijalankan manakala 55,344 risalah dan 974 poster telah diedarkan kepada anggota masyarakat khususnya di kawasan-kawasan yang dilaporkan mempunyai kes. Aktiviti pendidikan kesihatan begini diharap akan dapat terus mengingatkan anggota masyarakat tentang bahaya penyakit demam denggi dan kaedah pencegahan yang boleh diambil untuk mengelakkan jangkitan dan gigitan nyamuk *Aedes*.

Untuk makluman sejumlah 270 kompaun bernilai RM 43,780.00 dan 318 notis arahan pembersihan telah dikeluarkan pada minggu lepas melalui tindakan penguatkuasaan di seluruh negara.

Penyakit demam denggi disebarkan melalui gigitan nyamuk *aedes* dan peningkatan jumlah hujan terutamanya di utara Semenanjung boleh meningkatkan risiko penularannya. Justeru elakkan diri dari gigitan nyamuk *Aedes* di bulan Ramadan dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- a. Mengesan dan menghapuskan tempat atau bekas pembiakan nyamuk *Aedes* di dalam dan luar rumah kediaman sekurang-kurangnya seminggu sekali.
- b. Hadkan masa berada di luar rumah pada waktu nyamuk aktif menggigit iaitu pada awal pagi (5 hingga 7 pagi) dan senja (5 hingga 7 petang) terutamanya semasa membeli juadah berbuka puasa di bazar Ramadan.
- c. Dapatkan rawatan dengan segera jika mengalami demam di klinik atau hospital terdekat. Pengesanan dan rawatan awal dapat menyelamatkan nyawa dan mencegah penderitaan akibat demam denggi.
- d. Jika ada kemusykilan, dapatkan maklumat berkaitan demam denggi dari kemudahan kesihatan berhampiran atau laman web Kementerian Kesihatan di <http://www.moh.gov.my>

( **DATO' DR. HASAN BIN ABDUL RAHMAN** )

Pengarah Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Tarikh: 23 September 2008

## LAMPIRAN A

### Kes Denggi Dilaporkan Pada Minggu Epid Ke-38, 2008 Berbanding Jumlah Kes Median

Bil	Negeri	Jumlah Kes		Perbezaan Kes & Median	% Perbezaan
		Minggu 38	Median* (03-07)		
1	Selangor	382	187	195	104.3
2	Johor	96	51	45	88.2
3	Perak	87	44	43	97.8
4	Terengganu	37	20	17	85
5	Sarawak	29	17	12	70.6
6	Sabah	18	18	0	0
7	Putrajaya	5	5	0	0
8	Labuan	0	1	-1	-100
9	N.Sembilan	25	26	-1	-3.8
10	Melaka	13	15	-2	-13.3
11	Perlis	1	6	-5	-83.3
12	Kedah	16	22	-6	-27.3
13	P.Pinang	50	56	-6	-10.7
14	Kelantan	48	55	-7	-12.7
15	Pahang	23	35	-12	-34.3
16	WPKL	85	113	-28	-27.8
	<b>Jumlah</b>	<b>915</b>	<b>783</b>	<b>132</b>	<b>16.9</b>

**Nota:**

**Median\*** - Nilai penengah kes denggi tahun 2003-2007 yang disusun mengikut urutan menaik.

- Merupakan nilai unjuran/jangkaan kes denggi pada tahun 2008.

( - ) Menurun

## LAMPIRAN B

### SENARAI KEJADIAN KES DI LOKALITI WABAK TIDAK TERKAWAL SEHINGGA MINGGU 38/2008

Bil	Negeri	Daerah/Zon/PBT	Lokaliti	Jumlah Kes Hingga minggu 38
1.	Selangor	MPS	Taman Tun Teja	26
2.		MPS	Taman Rawang Perdana 2	12
3.		MPSJ	Taman Sg Besi Indah	10
4.		MBPJ	Mentari Court PJS 8	30
5.		MBPJ	Prima Damansara PJU 10	11
6.		MBSA	Flat PKNS 19/3 (Eps 2)	20
7.		MBSA	Seksyen 18 Flat 18/3 (Eps 2)	24
8.		MBSA	Flat 17/1	8
9.		MPKj	Taman Tenaga (Eps 2)	12
10.		MPKj	Taman Pelangi	19
11.		MPKj	Hentian Kajang (Eps 2)	5
12.		MPAJ	Pandan Jaya (Zon B) Eps. 1	17
13.		MPAJ	Taman Putra (Zon A) Eps. 1	7
14.		MPAJ	Taman Dgg (Zon D) Eps. 1	5
15.		MPAJ	Pandan Indah(Zon B) Eps. 2	4
16.		Gombak	Taman Greenwood	47
17.		Gombak	Kg Kerdas	18
18.		Gombak	Kg Nakhoda Kanan	10
19.		Gombak	Taman Wangsa Permai	7
20.		Gombak	Kg Laksamana	21
21.		Gombak	Taman Sri Gombak Z3	10
22.		Gombak	Kg. Tengah	4
23.		Gombak	Taman Sri Batu Caves	5
24.		Gombak	Taman Pinggiran Bt Caves Z3	7
25.		Gombak	Kg Changkat	4
26.		Petaling	Puncak Perdana Sek. U10	40
27.		Petaling	Puncak Perdana UiTM & Resak	43
28.		Petaling	Seksyen U5 Desa Subang	15
29.		Petaling	Sek . 27 Flat B	57

30		Hulu Langat	Kg Batu 10,Cheras	13
31		Hulu Langat	Markas FRU Bt 7 Cheras	11
32		Hulu Langat	Ladang ABACO, Beranang	5
33		Hulu Selangor	Appt. Teratai Bukit Beruntung	8
34		Hulu Selangor	Taman Sri Batang Kali	8
35	WPKL	Pusat Bandar	PPR Sri Alam	19
36		Klang Lama	Kuchai Ent. Park	38
37		Cheras	Kem Sg Besi (Workshop,Berek Bujang)	5
38		Cheras	Kem Sg Besi (UPNM)	9
39		Setapak	Taman Setiawangsa (KWSN A)	16
40		Kepong	Kepong Baru (KWSN E)	4
41	Johor	JB	Flat Sri Lanang, Tmn Desa Tebrau	12
42	Putrajaya	PBT	Zon D, Presint 11	10
43		PBT	Zon D, Presint 16	4
44	Perak	KKM	Kuala Sepetang	5
45	Pahang	KKM	Tmn Kim Leng, Air Putih	5